| | A.15.1.1 | Dasar keselamatan maklumat untuk hubungan pembekal Keperluan keselamatan maklumat untuk mengurangkan risiko yang dikaitkan dengan akses pembekal kepada aset organisasi hendaklah dipersetujui dengan | Peneraju ISMS | YA | YA | Memastikan keperluan keselamatan maklumat didokumenkan dan dipersetujui oleh pihak pembekal. | <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014, Bahagian F, Klausa 16 (c) • GPKTMK Perkara 15.1 : Pihak Ketiga • Prosedur Perolehan Universiti (UPM/SOK/KEW-BUY/P016) • Surat Aku Janji Pihak Luar • Kontrak Bekalan/Perkhidmatan |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|--|----------------|---------------------|--------------------------------|---|---|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | | pembekal dan didokumenkan. | | | | | |
| | A.15.1.2 | Menangani keselamatan dalam perjanjian pembekal Semua keperluan keselamatan maklumat yang berkaitan hendaklah diwujudkan dan dipersetujui dengan setiap pembekal yang boleh mengakses, memproses, menyimpan, menyampaikan, atau menyediakan komponen infrastruktur IT untuk maklumat organisasi. | Peneraju ISMS | YA | YA | Memastikan keperluan keselamatan maklumat dibangunkan dan dipersetujui oleh pihak pembekal. | <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014, Bahagian F, Klausa 16 (c) • GPKTMK Perkara 15.1 : Pihak Ketiga • Prosedur Perolehan Universiti (UPM/SOK/KEW-BUY/P016) • Dokumen Perjanjian antara UPM dan Pihak Pembekal • Surat Aku Janji Pihak Luar • Kontrak Bekalan/Perkhidmatan |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|---|--|---------------------|--------------------------------|---|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.15.1.3 | Rantaian bekalan teknologi maklumat dan komunikasi Perjanjian dengan pembekal hendaklah mengandungi keperluan untuk menangani risiko keselamatan maklumat yang dikaitkan dengan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi serta rantaian bekalan produk. | Pejabat Bursar & Pejabat Penasihat Undang-Undang | YA | YA | Memastikan dokumen perjanjian antara pihak pembekal memenuhi keperluan keselamatan maklumat. | <ul style="list-style-type: none"> • GKPTMK Perkara 15.1 : Pihak Ketiga • Prosedur Perolehan Universiti (UPM/SOK/KEW-BUY/P016) • Senarai Semak Surat Cara Undang-undang (Perjanjian/Persefahaman) |
| | A.15.2 | Pengurusan penyampaian perkhidmatan pembekal Mengekalkan tahap keselamatan maklumat dan penyampaian perkhidmatan yang dipersetujui selaras dengan perjanjian pembekal. | | | | | |
| | A.15.2.1 | Memantau dan mengkaji semula perkhidmatan pembekal Organisasi hendaklah memantau, mengkaji semula dan mengaudit penyampaian perkhidmatan pembekal secara tetap. | Pejabat Bursar | YA | YA | Memastikan pemantauan, semakan terhadap penerimaan perkhidmatan pembekal dijalankan secara berkala. | <ul style="list-style-type: none"> • GKPTMK Perkara 15.2 : Pengurusan Penyampaian Perkhidmatan Pihak Ketiga • Arahan Kerja Penilaian Prestasi Syarikat (UPM/SOK/KEW/AK002/BUY) |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|---|--|---------------------|--------------------------------|---|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.15.2.2 | Menguruskan perubahan kepada perkhidmatan pembekal Perubahan kepada perolehan perkhidmatan daripada pembekal, termasuk mengekalkan dan menambah baik dasar keselamatan maklumat sedia ada, prosedur dan kawalan, hendaklah diuruskan, dengan mengambil kira kepentingan maklumat, sistem dan proses perniagaan yang terlibat dan pentaksiran semula risiko. | Pejabat Bursar & Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan polisi, prosedur dan kawalan bagi mengurus perubahan penyediaan perkhidmatan dilaksanakan. | <ul style="list-style-type: none"> • GKPTMK Perkara 15.2 : Pengurusan Penyampaian Perkhidmatan Pihak Ketiga • Prosedur Perolehan Universiti (UPM/SOK/KEW-BUY/P016) |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|---|----------|---|---|---------------------|--------------------------------|--|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| A.16 PENGURUSAN INSIDEN KESELAMATAN MAKLUMAT | A.16.1 | Pengurusan insiden keselamatan maklumat dan penambahbaikan Memastikan pendekatan yang konsisten dan berkesan dalam pengurusan insiden keselamatan maklumat, termasuk komunikasi tentang kejadian dan kelemahan keselamatan. | | | | | |
| | A.16.1.1 | Tanggungjawab dan prosedur Tanggungjawab pengurusan dan prosedur hendaklah diwujudkan bagi memastikan tindak balas yang cepat, berkesan dan teratur terhadap insiden keselamatan maklumat. | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan prosedur dan tanggungjawab pengurusan dibangunkan untuk memastikan tindak balas yang cepat dan berkesan terhadap insiden keselamatan. | <ul style="list-style-type: none"> Pelan Pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) Garis Panduan Pengendalian Insiden ICT (UPM/ISMS/OPR/GP18/PENGENDALIAN INSIDEN) |
| | A.16.1.2 | Pelaporan kejadian keselamatan maklumat Kejadian keselamatan maklumat hendaklah dilaporkan melalui saluran pengurusan yang bersesuaian dengan secepat mungkin. | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan insiden keselamatan dilapor dengan cepat melalui saluran pengurusan yang betul. | <ul style="list-style-type: none"> Pelan Pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) Garis Panduan Pengendalian Insiden ICT (UPM/ISMS/OPR/GP18/PENGENDALIAN INSIDEN) |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|--|---|---------------------|--------------------------------|--|---|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.16.1.3 | Pelaporan kelemahan keselamatan maklumat Kakitangan dan kontraktor yang menggunakan sistem dan perkhidmatan maklumat organisasi adalah dikehendaki mencatatkan dan melaporkan sebarang kelemahan keselamatan maklumat yang diperhatikan atau disyaki dalam sistem atau perkhidmatan. | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan pekerja dan pembekal melaporkan kelemahan keselamatan yang terdapat pada sistem atau perkhidmatan. | <ul style="list-style-type: none"> • Pelan pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) • Prosedur Perkhidmatan ICT (UPM/OPR/IDEC/P002) • Garis Panduan Pengendalian Insiden ICT (UPM/ISMS/OPR/GP18/PENGENDALIAN INSIDEN) |
| | A.16.1.4 | Penilaian dan keputusan tentang kejadian keselamatan maklumat Kejadian keselamatan maklumat hendaklah dinilai dan ditentukan jika ia perlu dikelaskan sebagai insiden keselamatan maklumat. | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan insiden keselamatan dinilai dan diputuskan sekiranya diklasifikasikan sebagai insiden keselamatan maklumat. | <ul style="list-style-type: none"> • Pelan pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) • Prosedur Perkhidmatan ICT (UPM/OPR/IDEC/P002) • Garis Panduan Pengendalian Insiden ICT (UPM/ISMS/OPR/GP18/PENGENDALIAN INSIDEN) |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|---|---|---------------------|--------------------------------|--|---|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.16.1.5 | Tindak balas terhadap insiden keselamatan maklumat Insiden keselamatan maklumat hendaklah ditangani menurut prosedur yang didokumenkan. | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan pengurusan insiden keselamatan mengikut prosedur. | <ul style="list-style-type: none"> • Pelan pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) • Prosedur Perkhidmatan ICT (UPM/OPR/IDEC/P002) • Garis Panduan Pengendalian Insiden ICT (UPM/ISMS/OPR/GP18/PENGENDALIAN INSIDEN) |
| | A.16.1.6 | Mempelajari daripada insiden keselamatan maklumat Pengetahuan yang diperoleh daripada analisis dan penyelesaian insiden keselamatan maklumat hendaklah digunakan bagi mengurangkan kemungkinan berlakunya insiden atau impak insiden mendatang. | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan analisis dan penyelesaian terhadap insiden keselamatan berlaku boleh digunakan untuk mengurangkan kemungkinan atau kesan pada masa akan datang. | <ul style="list-style-type: none"> • Pelan Pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) • Garis Panduan Pengendalian Insiden ICT (UPM/ISMS/OPR/GP18/PENGENDALIAN INSIDEN) |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|--|---|---------------------|--------------------------------|--|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.16.1.7 | Pengumpulan bahan bukti Organisasi hendaklah mentakrifkan dan menggunakan prosedur untuk mengenal pasti, mengumpul, memperoleh dan memelihara maklumat yang boleh digunakan sebagai bahan bukti. | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan pengenalpastian, pengumpulan dan pemuliharaan maklumat perlu dilaksanakan sebagai bukti tindakan. | <ul style="list-style-type: none"> • GKPTMK 12.4: <i>Logging</i> dan Pemantauan • Pelan pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) • Garis Panduan Pengendalian Insiden ICT (UPM/ISMS/OPR/GP18/PENGENDALIAN INSIDEN) |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|--|----------|--|--|---------------------|--------------------------------|--|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| A.17 ASPEK KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN | A.17.1 | Kesinambungan keselamatan maklumat Kesinambungan keselamatan maklumat hendaklah diterapkan dalam sistem pengurusan kesinambungan perniagaan organisasi. | | | | | |
| | A.17.1.1 | Perancangan kesinambungan keselamatan maklumat Organisasi hendaklah menentukan keperluan untuk keselamatan maklumat dan kesinambungan pengurusan keselamatan maklumat dalam keadaan yang menjejaskan, contohnya, semasa krisis atau bencana. | Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja & Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan keperluan kesinambungan pengurusan keselamatan maklumat. | <ul style="list-style-type: none"> • GKPTMK 17.0 – Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan • Pelan Kesinambungan Perkhidmatan • Pelan Pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) |
| | A.17.1.2 | Pelaksanaan kesinambungan keselamatan maklumat Organisasi hendaklah mewujudkan, mendokumenkan, melaksanakan dan menyenggarakan proses, | Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja & Pusat Pembangunan | YA | YA | Memastikan prosedur dan kawalan bagi kesinambungan perkhidmatan dibangun dan didokumenkan. | <ul style="list-style-type: none"> • GKPTMK 17.0 – Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan • Pelan Kesinambungan Perkhidmatan • Pelan Pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|---|--|---------------------|--------------------------------|--|--|
| Klasua | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | | prosedur dan kawalan bagi memastikan keperluan tahap kesinambungan keselamatan maklumat ketika berada dalam keadaan yang menjejaskan. | Maklumat dan Komunikasi | | | | |
| | A.17.1.3 | Menentusahkan, mengkaji semula dan menilai kesinambungan keselamatan maklumat Organisasi hendaklah menentusahkan kawalan kesinambungan keselamatan maklumat yang diwujudkan dan dilaksanakan pada sela masa tetap bagi memastikan ianya sah dan berkesan semasa keadaan yang menjejaskan. | Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja & Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan maklumat kawalan kesinambungan keselamatan disahkan dan dilaksanakan secara berkala untuk memastikan ia berkesan sekiranya berlaku bencana. | <ul style="list-style-type: none"> • GKPTMK 17.0 – Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan • Pelan Kesinambungan Perkhidmatan • Pelan Pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) • Laporan Pengujian Simulasi DRP ICT UPM |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|---|--|---------------------|--------------------------------|--|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.17.2 | Lewahan Memastikan ketersediaan kemudahan pemprosesan maklumat. | | | | | |
| | A.17.2.1 | Ketersediaan kemudahan pemprosesan maklumat Kemudahan pemprosesan maklumat hendaklah dilaksanakan dengan lewahan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan ketersediaan. | Peneraju ISMS & Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi, | YA | YA | Memastikan fasiliti pemprosesan dibangunkan bagi memenuhi keperluan ketersediaan maklumat. | <ul style="list-style-type: none"> Pelan Kesenambungan Perkhidmatan Pelan Pemulihan Bencana ICT Universiti Putra Malaysia (DRP ICT) |
| A.18 PEMATUHAN | A.18.1 | Pematuhan kepada keperluan undang-undang dan kontrak Mengelakkan pelanggaran obligasi undang-undang, statutori, kawal selia atau kontrak yang berkaitan dengan keselamatan maklumat dan sebarang keperluan keselamatan. | | | | | |
| | A.18.1.1 | Pengenalpastian keperluan undang-undang dan kontrak yang terpakai Semua keperluan perundangan, statutori, kawal selia, kontrak yang berkaitan dan pendekatan organisasi bagi memenuhi keperluan ini hendaklah dikenal pasti dengan jelas, | Pejabat Penasihat Undang-undang | YA | YA | Memastikan keperluan perundangan dikenal pasti dan didokumenkan serta dikemaskini. | <ul style="list-style-type: none"> GPKTMK Perkara 18.1 (d) : Keperluan Perundangan Senarai Undang-undang sedia ada melalui Portal eISO |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|--|---|---------------------|--------------------------------|--|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | | didokumenkan dan dikemas kini bagi setiap sistem maklumat dan organisasi. | | | | | |
| | A.18.1.2 | Hak harta intelek Prosedur yang sesuai hendaklah dilaksanakan bagi memastikan keperluan pematuhan perundangan, kawal selia dan kontrak yang berkaitan dengan hak harta intelek dan penggunaan produk perisian proprietari. | Peneraju ISMS & Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan prosedur bersesuaian dibangunkan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang. | <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan komunikasi) 2014, Bahagian D, Klausa 12 • Jawatankuasa Teknologi Maklumat dan Komunikasi UPM • Kontrak Bekalan/Perkhidmatan |
| | A.18.1.3 | Perlindungan rekod Rekod perlu dilindungi daripada kehilangan, kemusnahan, pemalsuan, akses tanpa izin dan pengeluaran tanpa kebenaran, mengikut keperluan undang-undang, kawal selia, kontrak dan perniagaan. | Peneraju ISMS | YA | YA | Memastikan rekod perlu di lindungi daripada kehilangan, kemusnahan, pemalsuan, akses tanpa kebenaran, peraturan, kontra atau keperluan bisnes. | <ul style="list-style-type: none"> • Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) • GPKTMK Perkara 8.3 (c) : Keselamatan Dokumen • Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) • Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Perlindungan Dokumen Rasmi Universiti Putra Malaysia • Panduan Pengurusan Fail dan Rekod Universiti |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|--|---|---------------------|--------------------------------|---|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.18.1.4 | Privasi dan perlindungan maklumat peribadi Privasi dan perlindungan maklumat peribadi hendaklah dipastikan seperti yang dikehendaki dalam undang-undang dan peraturan yang relevan jika berkenaan. | Peneraju ISMS & Pejabat Pendaftar | YA | YA | Memastikan perlindungan terhadap maklumat peribadi memenuhi keperluan perundangan berkaitan. | <ul style="list-style-type: none"> • GPKTMK Perkara 13.3 : Pengurusan Pertukaran Maklumat • Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) • Prosedur Pertukaran Maklumat (UPM/ISMS/SOK/P002) • Borang Pergerakan Fail Pejabat Pendaftar (Fail Peribadi) |
| | A.18.1.5 | Peraturan kawalan kriptografi Kawalan kriptografi hendaklah digunakan bagi mematuhi semua perjanjian, undang-undang dan peraturan yang relevan. | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan kawalan kriptografi digunakan dengan mematuhi semua perjanjian berkenaan, undang-undang dan peraturan. | <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) 2014, Bahagian G, Klausa 21 • GPKTMK Perkara 10.0 : Kawalan Kriptografi • Garis Panduan Pengendalian Maklumat (iDEC/ISMS/GP01) |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|--|-----------------------|---------------------|--------------------------------|--|---|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.18.2 | Kajian semula keselamatan maklumat Memastikan keselamatan maklumat dilaksanakan dan dikendalikan menurut dasar dan prosedur organisasi. | | | | | |
| | A.18.2.1 | Kajian semula keselamatan maklumat secara berkecuali Pendekatan organisasi dalam menguruskan keselamatan maklumat dan pelaksanaannya (iaitu, objektif kawalan, kawalan, dasar, proses dan prosedur untuk keselamatan maklumat) hendaklah dikaji semula secara berkecuali pada sela masa yang dirancang atau apabila berlaku perubahan yang ketara. | Pusat Jaminan Kualiti | YA | YA | Memastikan pengurusan keselamatan maklumat dikaji semula secara berkala atau apabila perubahan ketara berlaku. | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan UPM Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS |



**PENYATA PEMAKAIAN
(STATEMENT OF APPLICABILITY)
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| Kawalan ISO/IEC 27001:2013 | | | Pemilik Proses | Terpakai (Ya/Tidak) | Dilaksanakan (Ya/Separa/Tidak) | Justifikasi | Kawalan Semasa |
|----------------------------|----------|--|---|---------------------|--------------------------------|--|--|
| Klausa | Sek | Objektif Kawalan/ Kawalan | | | | | |
| | A.18.2.2 | Pematuhan dasar dan standard keselamatan Pengurus hendaklah mengkaji semula secara tetap pemuatnahan pemprosesan maklumat dan prosedur dalam bidang tanggungjawabnya terhadap dasar keselamatan yang bersesuaian, standard dan sebarang keperluan keselamatan yang lain. | Pusat Jaminan Kualiti | YA | YA | Memastikan pemuatnahan ke atas proses dan prosedur disemak semula dengan dasar-dasar keselamatan yang sesuai, standard dan sebarang keperluan keselamatan yang lain. | <ul style="list-style-type: none"> Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM |
| | A.18.2.3 | Kajian semula pemuatnahan teknikal Sistem maklumat hendaklah dikaji semula secara tetap bagi mematuhi dasar dan standard keselamatan maklumat organisasi. | Peneraju ISMS & Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi | YA | YA | Memastikan sistem maklumat hendaklah dikaji semula secara berkala untuk mematuhi dasar dan standard keselamatan maklumat organisasi. | <ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Teknologi Maklumat & Komunikasi UPMCert Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan (UPM/ISMS/OPR/GP09/Tahap Keselamatan) |

Nota: terma 'staf' ditukar kepada 'pekerja' selaras dengan penggunaan terma tersebut dalam Dasar Kualiti yang diluluskan oleh Lembaga Pengurusan Universiti pada 10 Disember 2019. Pengemaskinian ke atas dokumen terkawal dan dokumen rujukan lain yang terlibat dalam proses kerja akan dibuat secara berperingkat.

DOKUMEN RUJUKAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT



ISO/IEC 27001

DOKUMEN RUJUKAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT UPM

Senarai Kandungan

| <u>Bil.</u> | <u>Perkara</u> | <u>Muka surat</u> |
|-------------|---|-------------------|
| 1. | Pengenalan | |
| 1.1 | Pengenalan ISMS | 3 |
| 1.2 | Sejarah Pelaksanaan ISMS di UPM | 3 |
| 2. | PELAKSANAAN ISMS | |
| 2.1 | Dasar ISMS | 4 |
| 2.2 | Skop Pensijilan, Pengecualian Skop dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang Terlibat | 4 |
| 2.3 | Objektif ISMS | 4 |
| 2.4 | Pihak Berkepentingan dan Keperluan Mereka | 4 |
| 2.5 | Isu Dalaman dan Isu Luaran | 5 |
| 2.6 | Pengurusan Risiko | 5 |
| 3. | PENYATA PEMAKAIAN [<i>STATEMENT OF APPLICABILITY (SOA)</i>] | 6 |
| 4. | JAWATANKUASA DAN PERANAN | |
| 4.1 | Struktur Organisasi ISMS | 6 |
| 4.2 | Peranan dan Tanggungjawab | 6 |
| 5. | SENARAI <i>STANDARD OPERATION PROCEDURE (SOP)</i> YANG DIRUJUK | 7 |

1. PENGENALAN

1.1 Pengenalan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System – ISMS*)

ISO/IEC 27001:2013 ISMS merupakan piawaian yang menetapkan satu set keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat. Istilah maklumat, merangkumi koleksi fakta dalam bentuk kertas atau mesej elektronik bagi mencapai misi dan objektif organisasi. Maklumat merangkumi sistem dokumentasi, prosedur operasi, rekod agensi, profil pelanggan, pangkalan data, fail data dan maklumat, maklumat arkib dan lain-lain.

Pembudayaan ISMS akan mewujudkan sistem penyampaian yang bukan sahaja memenuhi tuntutan serta kepuasan pengguna dan mematuhi peraturan semasa tetapi membolehkan sistem penyampaian beroperasi dalam keadaan baik, selamat dan terkawal.

ISMS turut menyediakan tanda aras (benchmark) tahap pengurusan keselamatan maklumat Universiti berasaskan piawaian antarabangsa serta memantapkan perlindungan maklumat dalam aset ICT berteraskan prinsip kerahsiaan, integriti dan ketersediaan.

ISMS dibangunkan berdasarkan kepada keperluan dalam Klausula 4: Konteks Organisasi hingga Klausula 10: Penambahbaikan dalam piawaian ISO/IEC 27001:2013 yang hendaklah dipatuhi mengikut keperluan piawaian.

1.2 Sejarah Pelaksanaan ISMS di UPM

UPM telah memulakan tindakan melaksanakan dengan adanya arahan daripada MAMPU yang telah meminta agar semua Universiti Awam dipersijilkan dengan ISO/IEC 27001 agar keselamatan maklumat terpelihara, diperoleh dengan cepat dan keselamatannya dikawal.

UPM telah mengorak langkah ke arah ISMS mulai 8 Disember 2011. Audit Peringkat Pertama telah diadakan pada 24 Oktober 2012, disusuli oleh Audit Peringkat Kedua pada 19 hingga 20 Disember 2012. Alhamdulillah UPM telah berjaya melepasi peringkat persijilan ini dan UPM telah berjaya memperolehi sijil ISMS bernombor AR5761 pada 4 Januari 2013.

Pada tahun 2018, menerusi Audit Pensijilan Semula SIRIM (kitaran kedua) yang diadakan pada 2 September & 1 - 3 Oktober 2018, UPM telah berjaya memperluaskan skop pensijilan ISMS kepada proses penilaian pengajaran prasiswazah di Fakulti bagi Kampus Serdang dan Bintulu. Sejar dengan itu juga, no. Pensijilan ISMS telah dipinda kepada ISMS 00150 berdasarkan ketetapan terkini oleh pihak SIRIM.

2. PELAKSANAAN ISMS

2.1 Dasar ISMS

Pemakaian Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) yang terkini adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (<http://reg.upm.edu.my/eISO>).

2.2 Skop Pensijilan, Pengecualian Skop dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang Terlibat

Skop pensijilan ISMS UPM adalah:

- i. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran Hingga Pendaftaran Kolej Kediaman; dan
- ii. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.

Pengecualian skop pensijilan ISMS proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah adalah kepada pendaftaran kursus dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk:

- i. Pengajian Jarak Jauh;
- ii. Program untuk Eksekutif; dan
- iii. Antarabangsa.

Senarai pusat tanggungjawab yang terlibat dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (<http://reg.upm.edu.my/eISO>).

2.3 Objektif ISMS

Penetapan Objektif ISMS yang terkini adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (<http://reg.upm.edu.my/eISO>).

Nota: Pemantauan pencapaian objektif keselamatan maklumat dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti sebanyak dua kali setahun (pertengahan dan akhir tahun) dan penilaian keseluruhan bagi tujuan penambahbaikan dibuat melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS setiap tahun.

2.4 Pihak Berkepentingan dan Keperluan Mereka

Pihak berkepentingan dan keperluan mereka yang terlibat dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (<http://reg.upm.edu.my/eISO>).

2.5 Isu Dalam dan Isu Luaran


Isu dalaman dan isu luaran yang terlibat dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (<http://reg.upm.edu.my/eISO>).

2.6 Pengurusan Risiko

Penilaian Risiko

Penilaian risiko aset yang berkaitan dilaksanakan berasaskan Metodologi Penilaian Risiko Terperinci MyRAM (*Malaysian Public Sector ICT Risk Assessment Methodology*) berpandukan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2005: Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam.

Sebelas (11) langkah utama dalam proses penilaian risiko aset adalah seperti berikut:



Pemulihan Risiko

Perkara yang perlu dikenalpasti dan dilaksanakan semasa proses pemulihan risiko adalah seperti berikut:

- a. Membuat pilihan cadangan pemulihan risiko (menerima, mengurangkan, memindahkan, atau mengelakkan);
- b. Mengenal pasti kawalan yang bersesuaian terhadap cadangan pemulihan risiko yang telah dipilih;
- c. Melaksanakan perbandingan antara kawalan yang dipilih dengan Annex A;
- d. Mewujudkan Penyata Pemakaian [*Statement of Applicability (SoA)*] yang mengandungi kawalan bersesuaian;
- e. Menyediakan Pelan Pemulihan Risiko; dan

- f. Mendapatkan kelulusan Pentadbir Proses dan Pentadbir Sistem serta penerimaan ke atas risiko yang telah dipilih.

Panduan Penilaian Risiko Aset Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat memperincikan mengenai tatacara pengurusan penilaian risiko aset ISMS. Panduan yang juga merupakan lampiran kepada dokumen rujukan pelaksanaan ISMS ini boleh dirujuk melalui Portal eISO UPM di bawah pautan “Panduan Penilaian Risiko Aset Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat”.

3. PENYATA PEMAKAIAN [(STATEMENT OF APPLICABILITY (SOA))]

Penyata Pemakaian (*Statement of Applicability*) atau SoA menjelaskan justifikasi kawalan dan dokumen rujukan dalam melindungi keselamatan aset ICT dalam skop ISMS. Pemilihan kawalan dalam SoA adalah hasil Pemulihan Risiko dan peraturan-peraturan perlindungan aset ICT dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) dan Garis Panduan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (GPKTMK). SoA terkini yang juga merupakan lampiran kepada dokumen rujukan ini boleh dirujuk melalui Portal eISO UPM di bawah pautan “Penyata Pemakaian [(*Statement of Applicability (SoA)*)]”.

4. JAWATANKUASA DAN PERANAN

4.1 Struktur Organisasi ISMS

Struktur Organisasi ISMS yang terkini adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (<http://reg.upm.edu.my/eISO>).

4.2 Peranan dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa ISMS yang terkini adalah sebagaimana paparan dalam Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM (<http://reg.upm.edu.my/eISO>).

5. SENARAI STANDARD OPERATION PROCEDURE (SOP) YANG DIRUJUK

| SOP ISMS YANG DIRUJUK DALAM PELAKSANAAN ISMS DI UPM | | | |
|--|---|--|---|
| Bil | Kod Dokumen | Nama Dokumen | Peneraju Proses |
| Dokumentasi ISMS ISO/IEC 27001 sebagaimana paparan Portal eISO UPM | | | |
| SOP QMS YANG DIRUJUK DALAM PELAKSANAAN ISMS DI UPM | | | |
| Bil | Kod Dokumen | Nama Dokumen | Peneraju Proses |
| 1. | UPM/PGR/P001 | Prosedur Pengurusan Dokumen ISO | Pusat Jaminan Kualiti |
| 2. | UPM/PGR/P003 | Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan, dan Peluang Penambahbaikan | Pusat Jaminan Kualiti |
| 3. | UPM/PGR/P004 | Prosedur Audit Dalaman ISO | Pusat Jaminan Kualiti |
| 4. | UPM/PGR/P008 | Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO UPM | Pusat Jaminan Kualiti |
| 5. | PU/PS/GP010/SMP-ID | Garis Panduan Pengurusan Identiti Pengguna (ID) Sistem Maklumat Pelajar | Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik |
| 6. | UPM/SOK/BUM/P001 | Prosedur Pelantikan Staf Tetap Bagi Kumpulan Pengurusan dan Professional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana | Pejabat Pendaftar |
| 7. | UPM/SOK/KEW-BUY/P016 | Prosedur Perolehan Universiti | Pejabat Bursar |
| 8. | UPM/SOK/KEW-AST/P012 | Prosedur Pengurusan Aset Alih | Pejabat Bursar |
| 9. | UPM/SOK/KEW/GP020/AST | Garis Panduan Pelupusan Aset Alih | Pejabat Bursar |
| 10. | UPM/SOK/KEW/AK002/BUY | Arahan Kerja Penilaian Prestasi Syarikat | Pejabat Bursar |
| 11. | UPM/SOK/LAT/P001 | Prosedur Pengurusan Latihan Pekerja Universiti Putra Malaysia | Pejabat Pendaftar |
| 12. | UPM/OPR/PNC-UI/P001 UPM/OPR/PEND/P016 | Prosedur Pengurusan Mesyuarat Tatatertib Staf Pekerja | Unit Integriti, Pejabat Naib Pejabat Pendaftar |
| 13. | UPM/OPR/BUR-BUY/P003 | Prosedur Pendaftaran Syarikat dan Pekerja/Individu | Pejabat Bursar |
| 14. | UPM/OPR/iDEC/P001 | Prosedur Pembangunan ICT | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 15. | UPM/OPR/iDEC/P002 | Prosedur Perkhidmatan ICT | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 16. | UPM/OPR/iDEC/P003 | Prosedur Penyelenggaraan ICT | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |

| SOP QMS YANG DIRUJUK DALAM PELAKSANAAN ISMS DI UPM | | | |
|--|---|---|--|
| Bil | Kod Dokumen | Nama Dokumen | Peneraju Proses |
| 17. | UPM/OPR/CADE/AK01 | Arahan Kerja Pelaksanaan Penilaian Pengajaran | Pusat Pembangunan Akademik |
| 18. | OPR/iDEC/GP06/ PENGATURCARAAN APLIKASI | Garis Panduan Pelaksanaan Pengaturcaraan Sistem Aplikasi | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 19. | -OPR/iDEC/GP07/ IMPLEMENTASI APLIKASI | Garis Panduan Pelaksanaan Implementasi Aplikasi | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 20. <u>18.</u> | UPM/OPR/BKU/P001 | Prosedur Kawalan Akses | Bahagian Keselamatan Universiti |
| 21. <u>19.</u> | UPM/SOK/PYG/P002 | Prosedur Penyelenggaraan Berkala | Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| <u>20.</u> | <u>UPM/OPR/iDEC/AK31</u> | <u>Arahan Kerja Perkhidmatan Sokongan ICT</u> | <u>Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi</u> |
| <u>21.</u> | <u>OPR/iDEC/GP05/ Pengujian Aplikasi</u> | <u>Garis Panduan Pelaksanaan Pengujian Sistem Aplikasi</u> | <u>Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi</u> |
| <u>22.</u> | <u>OPR/PKU/GP13/eKlinik-ID</u> | <u>Garis Panduan Pengurusan Identiti Pengguna ID eKlinik</u> | <u>Pusat Kesihatan Universiti</u> |

Kemaskini: 01 Disember 2021



**LAPORAN SOAL SELIDIK PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
PRASISWAZAH SEMASA MINGGU PERKASA PUTRA BAGI SESI
KEMASUKAN 2021/2022**

KAMPUS SERDANG DAN BINTULU

1.0 TUJUAN

Kertas ini ini bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS berkaitan Laporan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Semasa Minggu Perkasa Putra Pada Sesi Kemasukan 2021/2022.

2.0 LATAR BELAKANG

Tujuan pelaksanaan soal selidik ini adalah untuk mengetahui tahap penerimaan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran dalam kalangan pelajar baharu. Persepsi pelajar baharu yang juga merupakan pemegang taruh ini akan mencerminkan tahap pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mendapat maklum balas pemegang taruh (Pelajar Baharu) berkenaan pelaksanaan ISMS di UPM seperti berikut, iaitu:

- (i) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap ketepatan maklumat yang dinyatakan dalam surat tawaran yang dikeluarkan kepada calon;
- (ii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan tahap kesediaan kaunter semasa hari pendaftaran pelajar baharu;
- (iii) Mendapatkan maklum balas pelajar baharu berkenaan kawalan kerahsiaan data dan maklumat pelajar baharu semasa hari pendaftaran pelajar; dan
- (iv) Memenuhi keperluan MS ISO/IEC 27001:2013 *Information Security Management System* (ISMS).

4.0 METODOLOGI PELAKSANAAN

Soal selidik kajian ini dijalankan secara atas talian untuk pelajar baharu UPM ambilan pertama dan kedua.

Soal selidik secara atas talian ini merangkumi 2 bahagian seperti berikut, iaitu:


Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

- (i) Jantina; dan
- (ii) Kolej Kediaman.

Bahagian B: Soalan Soal Selidik Kepuasan Pemegang Taruh Terhadap Perkhidmatan atau perkara berikut:



- (i) Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.
- (ii) Saya yakin maklumat peribadi saya akan digunakan untuk tujuan pendaftaran dan urusan berkaitan di Universiti Putra Malaysia sahaja.
- (iii) Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.
- (iv) Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem e-Daftar SMP terpelihara.
- (v) Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.
- (vi) Saya mendapati Sistem e-Daftar SMP memudahkan proses pendaftaran masuk ke Universiti Putra Malaysia.
- (vii) Cadangan penambahbaikan/maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).

Responden diminta memberikan penarafan mata mengikut skala kepuasan terhadap perkhidmatan yang diberikan seperti berikut:



5.0 ANALISIS RESPONDEN

Seramai 3,212 (88.2%) orang pelajar telah menjawab soal selidik yang disediakan berbanding 3,641 pelajar baharu yang mendaftar secara dalam talian (*online*) pada ambilan pertama dan ambilan kedua sesi 2021/2022. Data responden dipecahkan mengikut jantina dan 10 Kolej Kediaman. Analisis responden adalah seperti jadual di bawah:




6.0 ANALISIS HASIL KAJIAN

Tahap kepuasan pemegang taruh dianalisis berdasarkan skala kepuasan berikut, iaitu:


- (i) Skala 5 (Sangat Setuju)
- (ii) Skala 4 (Setuju)
- (iii) Skala 3 (Agak Setuju)
- (v) Skala 2 (Tidak Setuju)
- (vi) Skala 1 (Sangat Tidak Setuju)

Kepuasan pemegang taruh adalah dikira berdasarkan skala kepuasan melebihi tahap memuaskan iaitu merangkumi skala 4 (Setuju) dan skala 5 (Sangat Setuju). Keputusan hasil kajian adalah seperti rajah I hingga IV seperti di bawah:

Rajah I: Soalan i




Rajah II: Soalan ii



Rajah III: Soalan iii

3. Saya yakin Universiti Putra Malaysia melindungi semua data peribadi saya dan tidak mendedahkan kepada pihak lain yang tidak berkaitan.


3,212 responses




Rajah IV: Soalan iv

4. Saya yakin kerahsiaan data peribadi yang telah saya muat naik ke dalam Sistem e-Daftar SMP terpelihara.


3,212 responses



Rajah V: Soalan v



Rajah VI: Soalan VI



Soalan VIII - Cadangan penambahbaikan / maklum balas berkaitan keselamatan maklumat semasa pendaftaran (jika ada).

Berdasarkan kepada maklumbalas responden bagi soalan kaji selidik ISMS, terdapat beberapa cadangan yang boleh diambil kira oleh Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang untuk tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

Antara cadangan penambahbaikkkan yang diperolehi daripada responden (Pelajar Baharu) :

1. Memastikan pelajar dapat membuat semakan semula tentang maklumat supaya segala maklumat dapat diisi dengan tepat
2. Diharapkan pihak UPM dapat menguatkan tahap keselamatan digital pada server yang berkaitan supaya tidak berlaku sebarang penyelewengan data yang tidak diingini
3. Meningkatkan lagi tahap keselamatan maklumat peribadi dengan menambah bilangan sekuriti di dalam sistem yang dibangunkan.

Antara komen responden yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

1. Terdapat kesalahan maklumat pada e-daftar (maklumat alamat rumah dan juga nombor telefon).
2. Memelihara maklumat pelajar dengan menyediakan sistem keselamatan e daftar yang sangat ketat.
3. Mempertingkatkan sistem perlindungan maklumat peribadi daripada digodam oleh penggodam.
4. Pihak UPM perlu menyediakan link group Telegram atau WhatsApp yang mempunyai kawalan rapi agar scammer tidak sesuka hati mencero boh masuk ke dalam mana-mana *group*.
5. Saya pernah mengalami gangguan di WhatsApp disebabkan saya pernah mengisi *google form* berkaitan kolej (semasa Asasi UPM 2020/2021) yang memerlukan saya untuk mengisi nama dan no telefon, beberapa orang yang tidak dikenali pernah menghubungi saya sehingga saya berasa rimas kerana dihubungi oleh orang yang tidak dikenali.
6. Cuba (jika boleh) elakkan bagi kelonggaran kepada pelajar supaya mengisi maklumat melalui *google spreadsheet* yang mana boleh diakses oleh semua pelajar pada satu-satu masa. Hal ini berlaku tadi akibat terdapat kesalahan maklumat pada list Penasihat Akademik. Nama, No kad pengenalan, dan no. telefon pelajar telah terdedah kepada pelajar lain. Saya faham situasi seperti ini tidak dapat dielakkan.

Terdapat juga hasil responden yang memberi penghargaan kepada sistem e-daftar SMP yang baru diperkenalkan :

1. Bagi saya, sistem ini sangat tersusun dan sangat mudah diisi. Saya tidak mempunyai isu berkaitan dengan keselamatan maklumat semasa pendaftaran.

7.0 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra pada sesi kemasukan Semester 1 sesi 2021/2022 dapat dirumuskan seperti berikut:

Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ini meningkat sebanyak **24.16%** berbanding tahun 2020. Ia mungkin disebabkan strategi meletakkan pautan soal selidik ISMS di dalam E-Daftar seperti cadangan penambahbaikan yang dinyatakan pada tahun 2020.

Analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan **94.65%** Pelajar Baharu yang mendaftar berpuas hati (skala 4 dan skala 5) dengan semua perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran berdasarkan soalan 1 sehingga 6.

Jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat memuaskan) adalah pada soalan 1 iaitu **'Saya dapati maklumat dalam surat tawaran universiti khususnya nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat adalah tepat.'** (2599 responden). Manakala yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan 5 iaitu **'Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.'** (1766 responden).

Jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak memuaskan) adalah kepada soalan 5 iaitu **'Saya dapati Sistem e-Daftar SMP boleh dicapai sepanjang tempoh pendaftaran.'** (8 responden).

8.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Peratusan pelajar berpuashati berkaitan keselamatan dan proses pendaftaran adalah tinggi, namun terdapat juga beberapa komen dan cadangan penambahbaikan yang telah dinyatakan berkaitan isu keselamatan data perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan.

9.0 PELAKSANAAN SOAL SELIDIK PIHAK BERKEPENTINGAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT TAHUN 2021

Pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2021 dilaksanakan seperti:

- (i) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu), berdasarkan strategi berikut :
 - (a) Soalan kajian yang diajukan adalah berdasarkan tahap kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan dan kepuasan perkhidmatan pendaftaran pelajar baharu terhadap jenis perkhidmatan yang diterima daripada setiap peneraju/entiti yang menawarkan perkhidmatan.

- (b) Respon pemegang taruh adalah berdasarkan tahap kepuasan mereka mengikut skala 1 hingga 5 (Skala Likert) yang telah ditetapkan.
- (c) Pelajar baharu prasiswazah sesi 2021/2022 UPM menjawab soal selidik melalui pautan yang diletakkan di dalam sistem E-Daftar.
- (d) Pelaksanaan soal selidik ini akan dilaksanakan oleh Peneraju Proses ISMS yang terlibat iaitu Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama Jawatankuasa Penilaian Minggu Perkasa Putra 2021.

10.0 SYOR

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS dimohon mengambil maklum Laporan Analisis Pelaksanaan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Semasa Minggu Perkasa Putra bagi Sesi 2021/2022 seperti yang dikemukakan.